



KENYATAAN MEDIA KAEDAH UJIAN SARINGAN COVID-19 KE ATAS PEKERJA

KUALA LUMPUR – Ujian saringan COVID-19 ke atas pekerja-pekerja syarikat yang beroperasi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan sedang dilaksanakan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menerusi Program Saringan Prihatin (PSP) PERKESO.

PSP PERKESO bermula dengan Fasa I melalui ujian *Reverse Transcriptase - Polymerase Chain Reaction* (RT-PCR), dan akan disusuli dengan Fasa II melalui ujian *Rapid Test Kit* (RTK) *Antibody*.

PERKESO mengambil maklum garis panduan terkini daripada Kementerian Kesihatan Malaysia mengenai saringan COVID-19 yang hanya mengiktiraf RT-PCR sebagai kaedah saringan. Kami juga turut mengambil maklum keputusan mesyuarat Majlis Keselamatan Negara pada hari Jumaat (8 Mei 2020) berkenaan perkara yang sama.

PERKESO melihat saranan kaedah saringan COVID-19 ke atas pekerja yang berisiko tinggi secara serius. Sehubungan itu, **PERKESO akan melaksanakan ujian saringan COVID-19 menggunakan kaedah RT-PCR sahaja dan tidak menggunakan kaedah RTK *Antibody*.**

Ujian saringan ini akan dilaksanakan oleh penyedia perkhidmatan sedia ada, dan juga lain-lain penyedia perkhidmatan yang akan dilantik bagi membolehkan penyampaian perkhidmatan yang lebih efisien. Saringan ini adalah wajib kepada pekerja-pekerja asing di sektor pembinaan atau yang bekerja di zon merah sahaja.

Maklumat lanjut berkenaan pengoperasian PSP PERKESO akan dimaklumkan melalui Portal Prihatin PERKESO (<https://prihatin.perkeso.gov.my>).

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
9 MEI 2020**